

Headline	Staf BMW Malaysia hijaukan alam		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	25 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	18	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,667
Frequency	Weekly	PR Value	RM 5,000



## Staf BMW Malaysia hijaukan alam

**B**agi membantu menghijaukan alam sekitar, kakitangan syarikat pengeluar kereta, BMW Malaysia dan BMW Credit Malaysia telah menanam 200 pokok di Botanical Garden di FRIM Kepong. Pihak pengurusan dan juga kakitangan BMW Group Malaysia meluangkan sedikit masa dari kesibukan mereka untuk melakukan aktiviti terakhir pada tahun 2012.

Ketua Pegawai Eksekutif BMW Group Malaysia, Dr. Gerhard Pils berkata usaha memulihara alam sekitar bukan perkara baru buat BMW Group. Malah syarikat ini adalah perintis dalam penciptaan kenderaan yang mesra alam.

Tambah Dr. Pils sebagai syarikat korporat yang bertanggungjawab dan pengeluar kereta terkemuka dunia, BMW Group telah mencipta inovasi bagi mengurangkan penggunaan minyak kenderaan dan penanaman pokok ini adalah antara tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat.

Program penanaman pokok inisiatif BMW Group Malaysia ini melibatkan dua ekar kawasan dengan penanaman 200 pokok



Usaha menanam pokok ini adalah sebagai salah satu cara menunaikan tanggungjawab sosial.

Camphor yang cukup baik untuk alam sekitar. Selain daripada mengekalkan kehijauan alam, BMW Group Malaysia juga memperkenalkan solusi ringkas yang menyumbang kepada penggunaan tenaga secara efisien dan sesuai untuk alam sekitar. ■



Taklimat diberikan sebelum program bermula.

